

23/07/1997

Dalang perguna spekulator mata wang

KUALA LUMPUR, Selasa - Kalangan penganalisis ekonomi dan mata wang percaya kemungkinan wujud tangan ghaib yang menjadi dalang mempergunakan spekulator mata wang untuk melemahkan kemantapan ekonomi di rantau ini.

Mereka yakin kebenaran dakwaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, bahawa masalah mata wang di beberapa negara Asia Tenggara baru-baru ini disebabkan tindakan sengaja yayasan berpangkalan di negara asing bagi menggugat kestabilan ekonomi negara Asean.

Seorang penganalisis dari sebuah firma sekuriti tempatan berkata, walaupun tujuan spekulator mata wang adalah untuk mengaut keuntungan tetapi mereka juga boleh digunakan untuk tujuan tertentu.

(END)